

UMS usaha mini estet rumpai laut

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyuntik inovasi kepada industri rumpai laut negara menerusi kaedah pengkulturan secara mini estet yang membantu meningkatkan ekonomi pengusaha sektor itu.

Timbalan Naib Canselor UMS (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Rosnah Ismail, berkata kaedah itu dengan sendirinya membolehkan pengurangan 80 peratus tenaga kerja untuk pengkulturan, penuaian dan pengangkutan secara konvensional.

Beliau berkata, pembangunan sektor itu menambah baik secara bersepadu industri berkenaan meliputi peningkatan kecekapan produktiviti setiap unit kawasan pengkulturan dan penggunaan teknologi, mekanisasi serta inovasi.

"Ia menyumbang kepada keuntungan pengusaha, projek yang mesra alam, meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat, mempunyai kelestarian, boleh berkembang dan sesuai diguna pakai oleh pihak swasta serta usahawan.

"Kaedah ini juga meningkatkan kualiti produk, memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat dan membantu meningkatkan pendapatan negara," katanya kepada *Berita Harian* di sini, baru-baru ini.

Prof Rosnah berkata, projek mini estet boleh dijadikan pusat sehati dan model pengurusan bagi industri huluan rumpai laut negara.

Katanya, model itu boleh dijadikan prosedur operasi piawai (SOP) dan amalan pertanian baik (GAP) bagi pengusaha rumpai laut yang ingin menceburi sektor huluan dan pihak pembiaya meliputi institusi

kewangan dan bank.

Beliau berkata, projek itu juga boleh dijadikan pusat latihan bagi melahirkan tenaga mahir dalam industri pengkulturan rumpai laut dan diguna pakai bagi melaksanakan program penyelidikan secara berpusat dan bersepadu.

"Ia merangkumi penghasilan prototaip, penerbitan, paten, perundingan teknikal, pembangunan piawaian dan kualiti, persijilan, latihan teknikal, pembangunan usahawan dan inkubator dan program khusus

termasuk tanpa had kepada kerjasama teknikal, perolehan, penilaian dan pemindahan teknologi serta pengkomersialan.

"Ini menjadikan industri huluan yang sebelum ini kurang diminati pihak industri kerana dianggap

industri ketinggalan zaman kepada berdaya maju untuk dikomersialkan," katanya.

Prof Rosnah berkata, UMS sudah memeterai memorandum perjanjian dengan Jabatan Perikanan Malaysia untuk Projek Pengkulturan Rumpai Laut Secara Mini Estet yang akan menjadi model bagi industri huluan rumpai laut negara pada masa depan.

Katanya, menerusi MOU itu UMS akan membangunkan dua projek utama dengan sasaran meningkatkan pengeluaran rumpai laut negara kepada 250 tan metrik (berat kering) yang bernilai RM1.25 juta setahun.

"MoU berlangsung di Kuala Lumpur itu disaksikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar. Selain UMS, tiga lagi institusi pengajian tinggi awam terbabit adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)," katanya. 3



Rosnah Ismail